



BERHATI-HATI dengan berita atau maklumat dari media sosial.

PERANAN BESAR PERSATUAN DI IPT

Pemimpin siswa perlu jadi mata, telinga pihak pengurusan universiti dan pantau aktiviti berkumpulan mencurigakan

FOKUS
DARI MUKA N33

Pemimpin kelab dan persatuan mahasiswa perlu berada di barisan hadapan mempertahankan universiti daripada serangan maklumat negatif yang di sebar oleh pihak tertentu di media sosial. Oleh itu, mahasiswa dan pemimpin atau Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) perlu sentiasa bersedia membantu IPT atau universiti menyalurkan maklumat positif dan benar dalam usaha membasmi penularan berita palsu yang dibuat oleh pihak tertentu. Pengarah Pusat Transformasi Komuniti

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Prof Madya Dr Mohad Anizu Mohd Nor berkata, pemimpin kelab dan persatuan mahasiswa menjadi teladan atau model contoh kepada mahasiswa lain. Katanya, mereka perlu mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak pengurusan tertinggi universiti dalam sesuatu isu seperti dekan, pendaftar, timbalan naib canselor, naib canselor atau daripada mana-mana pihak yang terlibat dengan isu negatif yang disebar oleh pihak tertentu. "Mereka perlu mendapatkan info dan fakta yang sebenar berkenaan berita yang disebar sama ada ia benar atau palsu.

"Seandainya terbukti palsu, pemimpin kelab dan persatuan ini mesti mencari jalan untuk menyatakan perkara yang sebenar melalui penggunaan media sosial seperti WhatsApp, Facebook, emel dan sebagainya. "Tindakan segera perlu diambil supaya berita negatif ini tidak mengelirukan masyarakat di luar kampus," katanya. Katanya mereka juga perlu mengambil peluang menerangkan perkara yang sebenar kepada semua ahli kelab dan persatuan khususnya selain semua warga kampus umumnya. Pemimpin siswa itu adalah benteng kepada IPT kerana mereka ialah kumpulan mahasiswa yang

terpilih untuk memimpin kelab dan persatuan. "Mereka kumpulan mahasiswa yang menjadi penyokong dan pendokong kuat kepada universiti. Bila ada berita negatif yang diterima, mereka jangan terburu-buru mempercayainya. "Sebagai tulang belakang universiti yang mewakili semua mahasiswa, pemimpin kelab dan persatuan seharusnya mengambil langkah bijak dengan mendapatkan penjelasan dari pihak yang dikaitkan dengan berita negatif itu. "Ini yang dikatakan kepemimpinan melalui teladan," katanya. Sementara itu, Pegawai Rekreasi Campus Lifestyle



PEMIMPIN pelajar perlu berani dan melancarkan berita yang benar.



Melalui AUKU 1971, siswa boleh didakwa sekiranya terdapat bukti dan saksi berkaitan penyebaran isu negatif kepada universiti

MOHD ZULKIFLI



Pemimpin juga perlu memberikan penjelasan berita yang benar sebagai pencerahan ahli persatuan terhadap sesuatu isu dengan konsisten

AIDA

Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT) Mohd Zulkifli Md Salleh, berkata pemimpin kelab atau persatuan perlu menganjurkan program pencerahan berkaitan isu sensitif membabitkan IPT. Katanya, setiap pemimpin siswa diingatkan sentiasa mematuhi Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971). AUKU 1971 tidak membenarkan siswa mengambil kesempatan menyebarkan berita negatif melalui universiti atau penggunaan harta benda bagi tujuan itu. "Melalui AUKU 1971, siswa boleh didakwa sekiranya terdapat bukti dan saksi berkaitan penyebaran isu negatif kepada universiti. "Merit atau sistem Graduate Higher Order Critical Skills (GHOCS) iaitu satu program atau sistem untuk mengiktiraf pencapaian dan usaha mahasiswa dibatalkan sekiranya terdapat bukti pembabitkan secara langsung atau tidak langsung," katanya. Katanya, seharusnya pemimpin siswa menjadi

mata dan telinga kepada pihak pengurusan universiti serta memantau aktiviti berkumpulan yang mencurigakan. Bagi Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Aida Fitri Peli, berkata pemimpin kelab atau persatuan wajib dalam menangkis berita palsu yang dituju kepada pihak universiti. Katanya, sebagai seorang yang berpengaruh terhadap ahli persatuan masing-masing, mereka perlu menyemai nilai integriti dan tegas dalam menolak sebarang berita palsu kerana maklumat seperti itu berpotensi dalam mengganggu gugat prestasi ahli persatuan kerana sifat keraguan terhadap sesuatu perkara. "Oleh itu, pemimpin mahasiswa seharusnya mengkaji sesuatu berita yang diterima dengan sumber yang sahih dan boleh dipercayai terlebih dahulu sebelum disebar ke ahli persatuan. "Pemimpin juga perlu memberikan penjelasan berita yang benar sebagai pencerahan ahli persatuan terhadap sesuatu isu dengan konsisten," katanya. Katanya, pertemuan juga perlu diadakan sekiranya berita itu



Mereka perlu mendapatkan info dan fakta yang sebenar berkenaan berita yang disebar sama ada ia benar atau palsu

DR MOHAD ANIZU

memerlukan penjelasan yang kompleks atau perbingangan mendalam. "Namun dalam era teknologi ini, pemimpin persatuan boleh menggunakan kaedah

yang sedia ada seperti WhatsApp, Facebook dan Instagram. Mereka boleh membuat kenyataan rasmi berkenaan penjelasan terhadap sesuatu isu berita palsu kepada ahli persatuannya. "Mereka juga boleh membuat video pendek yang berdurasi satu hingga tiga minit untuk memberikan penjelasan kepada ahli persatuan masing-masing di media rasmi persatuan mereka di mana perlu meletakkan simbol rasmi seperti logo persatuan di dalam video itu supaya tidak boleh diputar belit pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya. Pemimpin siswa juga mungkin boleh bekerjasama dengan agensi tertentu bagi mendapatkan pencerahan berhubung kesahihan berita. Katanya, kerjasama boleh dilaksanakan dengan agensi yang berkait rapat dengan isu berita palsu contohnya pihak Integriti Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mendapatkan pandangan, nasihat dan pencerahan berkenaan berita palsu dengan lebih lanjut dan tindakan yang boleh diambil.



SERTA! aktiviti bermanfaat ketika bergelagor mahasiswa.